

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

SBU 202 @ NKM 034 - Sejarah Sosial Malaysia

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan sahaja. Soalan **SATU** Bahagian A perlu dijawab. Pilih **SATU** soalan sahaja dari setiap Bahagian B dan Bahagian C.

Peringatan

Rancang dulu sebelum memulakan jawapan. Setelah itu pastikan setiap jawapan ada contoh yang konkret, nama buku sumber dan pengarang yang dirujukkan.

Bahagian A

1. Pilih sebuah daerah di dunia Melayu yang mempunyai negara Kesultanan sejak abad ke 16, mempunyai sumber-sumber hikayat dan mempunyai bahan-bahan sejarah yang cukup. Selepas itu gunakan daerah ini untuk menjawab **DUA** dari soalan-soalan berikut?

[a] Wujudkah sistem feudalisme di daerah ini dan beri sebab-sebab yang konkret?

(20 Markah)

ATAU

[b] Apakah sistem politik yang lahir di daerah ini diantara abad ke 16 hingga ke 18. Nyatakan sama ada ia sama atau tidak dengan model J.M. Gullick atau A.C. Milner.

(20 Markah)

[c] Jelaskan sistem pengeluaran dan perdagangan yang membolehkan dunia Melayu pada waktu ini maju dan membangun.

(20 Markah)

ATAU

- [d] Beri gambaran yang lengkap tentang kedudukan buruh di waktu ini.

(20 Markah)

Bahagian B

Pilih SATU soalan sahaja.

2. Huraikan beberapa aliran sejarah yang terdapat di Malaysia pada waktu ini dengan memberi contoh-contoh yang jelas. Sejauh manakah kelemahan-kelemahannya boleh diatasi oleh pembacaan Braudel, Wallerstein dan Hobsbawm.

(30 Markah)

3. Masa, proses dan ruang geografis sangat penting dalam analisis pertumbuhan satu-satu masyarakat. Kaitkan ketiga-tiga konsep dengan sumbangan Braudel, Wallerstein dan Hobsbawm dan apakah implikasinya terhadap pemahaman semula sejarah sosial Semenanjung sejak abad ke 16.

(30 Markah)

4. Negara, kelas sosial dan ragam pengeluaran sangat berkesan dalam memahami sejarah Semenanjung. Pilih DUA dari konsep ini dan nyatakan penyumbang-penyumbangnya dari tiga penyumbang iaitu Braudel, Wallerstein dan Hobsbawm. Jelaskan kesannya terhadap pemahaman sejarah sosial Semenanjung Malaysia sejak abad ke 16.

(30 Markah)

...3/-

Bahagian C

Pilih SATU soalan saja.

5. Kolonialisme telah membawa perkembangan baru terhadap pembangunan Semenanjung. Huraikan proses ini dalam konteks pembangunan kapitalisme sejak abad ke 16. Pilih satu dari sektor-sektor pengeluaran di bawah dan huraikan perkembangan sistem teknologi dan pengeluaran, pembentukan kelas, kesan-kesan dasar negara kolonial dan pemberontakan. Sektor-sektor tersebut adalah;

[a] Padi

ATAU

[b] Getah

ATAU

[c] Bijih Timah

ATAU

[d] Perikanan

ATAU

[e] Perdagangan

(30 Markah)

6. Kolonialisme telah membawa akibat buruk terhadap orang-orang Melayu di Semenanjung. Huraikan kesan-kesannya terhadap sistem politik dan pemikiran orang Melayu dengan berpandukan tulisan-tulisan Sharuddin Maarof, Syed Hussein Alatas, J.M. Gullick dan Khoo Kay Khim.

(30 Markah)

- oooOooo -